

22/05/2000

Umno perlu jadi parti siasah orang Melayu

JOHOR BAHRU, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata, Umno sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu, tidak harus dikuasai ahli korporat atau tokoh tertentu bagi mengelak kemusnahannya.

Sambil memberikan contoh Parti Kongres di India yang kehilangan kuasa dan hala tuju kerana terus meletakkan harapan kepada suku sakat Gandhi, Shahrir berkata jika Umno dikuasai golongan itu, ia akan menerima nasib yang sama.

"Contoh lain yang boleh kita perhatikan ialah Parti Kuomintang yang berpecah belah dan kalah dalam perebutan kuasa apabila tewas kepada parti pembangkang kerana terlalu bergantung kepada seorang tokoh.

"Perkembangan parti yang dianggap sudah lama dan amat berkuasa suatu ketika dulu itu, perlu dijadikan pengajaran supaya ia tidak berlaku kepada Umno.

"Umno perlu menjadi sebuah parti siasah orang Melayu dengan perjuangan dan hala tuju yang jelas agar dapat menentukan nasib dan masa depan bangsa Melayu," katanya berucap pada majlis kesyukuran pemilihannya sebagai ahli MT, anjuran Umno Johor Bahru di Dewan As-Sakinah, Rumah Berkat, di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Khaled Nordin; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Puteri, Mohamad Kasbi dan ahli-ahli jawatankuasa bahagian itu.

Shahrir berkata ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di perhimpunan agung parti minggu lalu, jelas menyerlahkan rasa sedar mengenai kelemahan dalam parti itu.

Beliau berharap kesedaran wujud di kalangan ahli Umno termasuk pemimpin yang sudah menjawat jawatan menteri, jika mereka mahu melihat kecemerlangan parti itu berterusan.

Beliau berkata, ada empat mesej utama dalam ucapan penggulungan Dr Mahathir itu iaitu mengakui kelemahan diri dan akur bahawa kekuatan parti tidak bergantung kepada seseorang tokoh; sanggup ditegur; sanggup turun ke peringkat akar umbi; dan sanggup bergerak, berfikiran serta bersikap seperti pembangkang.

"Ahli Umno perlu faham mesej sebenar yang cuba disampaikan Presiden kerana dengan kefahaman itu mereka boleh mengambil tindakan susulan memperbaiki kelemahan dan berusaha memperkukuhkan kedudukan parti," katanya.

Shahrir juga berkata, Umno tidak sewajarnya memaksa bangsa Melayu berterima kasih kepada perjuangannya yang banyak memberi faedah kepada kemajuan bangsa.

"Apabila parti menuntut dan memaksa orang Melayu berterima kasih ia dilihat seolah-olah tidak ikhlas. Adakah perlu kita menyatakan kepada orang Melayu, Umno sudah buat itu dan ini, kemudian minta mereka sokong kita.

"Adakah mereka akan sokong kita? Saya percaya tidak, kerana perjuangan parti nampak tidak ikhlas. Oleh itu, Umno perlu ubah sikap dan pemikiran dengan kembali ke peringkat paling asas iaitu perjuangan yang dilakukan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah," katanya.

(END)